

25/04/1999

Kawal selia kewangan: Sokongan AS penting

KUALA LUMPUR: Saranan Malaysia supaya diwujudkan reformasi sistem kewangan antarabangsa, termasuk mengawal selia perdagangan mata wang tidak akan berjaya selagi Amerika Syarikat tidak menyatakan minat untuk berbuat demikian.

Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin berkata, setakat ini negara kuasa ekonomi dunia itu masih mengambil masa untuk menerima rancangan dan idea pembaharuan daripada negara kecil seperti Malaysia.

Malah, katanya, kalangan negara Eropah yang turut mempunyai pengaruh besar dalam sistem ekonomi dunia juga menunggu Amerika Syarikat dalam melaksanakan reformasi kewangan.

"Kita ketahui Amerika Syarikat mempunyai kuasa ekonomi yang besar. Untuk melaksanakan reformasi seperti yang dicetuskan negara kita ini, ia perlu mendapat kelulusan Amerika Syarikat, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

"Kita negara kecil dan apabila kita keluarkan idea bernas seperti ini mereka menyoal siapa kita," katanya ketika sesi dialog selepas menyampaikan ceramah eksekutif anjuran Institut Tabiran Awam Negara (Intan), di sini semalam.

Ceramah selama kira-kira dua jam itu bertajuk 'Menguruskan Ekonomi Negara Ketika Dilanda Krisis'.

Beliau ditanya mengenai sejauh mana masyarakat dunia menerima idea Malaysia yang memperkenalkan beberapa langkah kawal selia kewangan.

Idea supaya sistem kewangan antarabangsa dikawal selia dicetus Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu ucapan yang mencetus kontroversi di Hong Kong ketika kemuncak krisis pada September 1997.

Ketika persidangan itu, idea Perdana Menteri dijadikan bahan ketawa dan beliau dilabel sebagai tidak faham mengenai mekanisme pasaran mata wang yang rumit itu.

Ketika itu, Perdana Menteri mendesak masyarakat kewangan antarabangsa mengharamkan sistem urus niaga tukaran mata wang asing sedia ada kerana amalan itu bertentangan dengan moral kemanusiaan dan tidak produktif sambil menegaskan sistem kuno seperti itu mesti dihapuskan demi kesejahteraan sejagat.

Daim yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas mengakui saranan Malaysia itu dianggap arkitek baru kewangan dunia dan dibincang dalam beberapa forum antarabangsa seperti Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Kumpulan Negara-Negara Membangun (G15).

Bagaimanapun, beliau berkata, antara halangan terbesar bagi melaksanakan idea lebih cepat itu ialah tiada kesepakatan di kalangan negara kecil lain.

"Kita memang berbincang dengan negara lain, terutama yang dilanda krisis kewangan, tetapi mereka sebaliknya lebih berminat supaya mengikut kaedah yang diunjurkan IMF. Mereka tidak selantang Malaysia," katanya.

Beliau yakin mesyuarat menteri kewangan Apec keenam di Langkawi bulan depan akan membincangkan perkara itu, selain bertukar idea mengenai ekonomi dan kewangan serantau termasuk prospek pemulihan.

Menjawab soalan lain, Daim yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas berkata, kerajaan mengamalkan sikap terbuka kepada sesiapa saja untuk memberi kritikan dan idea bagi memulihkan ekonomi.

Katanya, sebagai negara demokrasi, rakyat mempunyai hak untuk menyatakan kelemahan atau kekurangan dalam pemerintahan.

"Kita sentiasa mengalu-alukan kritikan yang membina. Tapi apabila kita kata kerajaan bersikap terbuka, masyarakat Barat sebaliknya melaporkan secara negatif.

"Jika rakyat Malaysia mendakwa mereka tidak mempunyai hak dan kebebasan, saya tidak fikir begitu keadaannya.

"Kita masih mendapati kesatuan sekerja boleh mengadakan piket kalau mereka tidak puas hati dengan majikan atau tindakan kerajaan," katanya.

(END)